



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **2 Okt 2020 (Jumaat)**

Berita Harian

Pertahan status Hutan Simpan Kekal Kuala Langat 1

Utusan Malaysia

Nilai semula mansuh status HSK Kuala Langat Utara 2

Pemandu degil buat pusingan U haram 3

Usaha membanteras liberalisme 4

Harian Metro

Tanggung solat Surau Haji Nasron 5

Kurung atau kami rampas 6

Pergi selepas 2 rangkap azan 7

Kosmo

Aktiviti di pasar, surau dilarang 8

Sinar Harian

Pertahan status Hutan Simpan Kekal Kuala Langat 9

Biasiswa untuk pelajar UNISEL 10

FAS mahu guna nama Selangor FC 11

The Star

All street markets in Klang allowed to reopen 12

Apply for permits online, traders and business owners told 13

We have you on camera, MPS tells illegal dumpers 14

Emotional farewell for Nor Hisham 15

MBSA ANNOUNCEMENTS 16

Kajang council issues temporary permits to 18 traders 17

RM126,000 project to end floods in Taman Muda 18

Why selangor faces a higher risk 19

Woeful neighbourhood 20

Klang PTAs want schools to be shut down 21

New Straits Times

SELANGOR HELPS SMEs DIGITISE OPERATIONS 22

Petaling water supply fully restored 23

ENRICHING COMMUNITIES THROUGH KNOWLEDGE 24

The Sun

Invest Selangor helps SMEs embrace IR 4.0 via Produk 25



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 October 2020

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pertahan status Hutan Simpan Kekal Kuala Langat
Muka Surat	:	18

Pertahan status Hutan Simpan Kekal Kuala Langat

Kuantan: Kerajaan Selangor diminta terus mengekalkan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara bagi memastikan kelestarian alam di negeri itu terus terpelihara.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata status hutan simpan itu perlu dipertahan kerana ia bukan sekadar berperanan dalam pemuliharaan flora dan fauna, tetapi lebih penting bertindak sebagai kawasan tadahan air.

“Kawasan yang sudah diwartakan sebolehnya jangan dikeluarkan walaupun mungkin kerajaan negeri melihat ada keperluan ekonomi. Kita tidak boleh mengelak daripada pembangunan, namun implikasi masa depan harus menjadi keutamaan.

“Apa yang sudah diwartakan sebaiknya kita pertahankan, malah kita sangat hargai jika ada negeri lain dapat mewartakan hutan simpan yang secara tidak langsung menambah kawasan tadahan air dan memelihara alam sekitar,” katanya.

Beliau mengulas tindakan kerajaan Selangor melakukan sesi

pendengaran awam bagi cadangan pemansuhan kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat membabitkan keluasan 1,971 hektar pada Selasa lalu, yang mendapat bantahan banyak pihak.

Terdahulu, Tuan Ibrahim merasmikan Sambutan Hari Inovasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2020 di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah JPS, Datuk Nor Hisham Mohd Ghazali dan Pengarah Negeri, Mohd Noor Bidin.

Dalam perkembangan lain, Tuan Ibrahim mengakui optimis kerja pemuliharaan sungai bagi mengurangkan risiko banjir di seluruh negara menggunakan peruntukan tambahan RM66 juta dapat disiapkan sebelum musim tengkujuh pada hujung tahun ini dengan jangkaan siap sebuah projek selama sebulan.

Katanya, kerja itu yang bermula di Kelantan pada Ahad lalu, mendapat sambutan positif kerana kontraktor melihatnya sebagai



Tuan Ibrahim (tengah) menyampaikan anugerah kepada pasukan JPS Negeri Sembilan pada perasmian Sambutan Hari Inovasi JPS 2020, Kuantan, semalam.
 (Foto BERNAMA)

platform untuk kembali aktif selepas terjejas teruk akibat kekurangan peluang kerja susulan penularan pandemik COVID-19.

Sementara itu, Nor Hisham berkata, terdapat beberapa projek rancangan tebatan banjir (RTB) yang ketinggalan daripada jadual asal akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan setiap kontraktor diberikan lanjutan masa selama tiga bulan.

“Walaupun kerja-kerja kini sudah boleh dilaksanakan, kita ber-

harap penularan pandemik COVID-19 sekarang tidak menjadi lebih teruk supaya pelaksanaan RTB tidak lagi terjejas selepas terpaksa dihentikan sebelum ini.

“Di Pahang, RTB Cameron Highlands dapat kita selesaikan pada September lalu, manakala dua lagi projek iaitu RTB Sungai Belat di Kuantan dan RTB Bandar Pekan dijadual dapat disiapkan pada tahun depan,” katanya.



KERATAN AKHBAR
2 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Nilai semula mansuh status HSK Kuala Langat Utara
Muka Surat	:	8



TUAN Ibrahim Tuan Man (tengah) melakukan lawatan ke gerai pameran pada majlis perasmian Hari Inovasi 2020, Jabatan Pengairan dan Saliran, di Dewan Jubli Perak, Sultan Ahmad Shah.

Nilai semula mansuh status HSK Kuala Langat Utara

KUANTAN: Kerajaan Selangor perlu menilai semula cadangan pemansuhan status Hutan Simpan Kekal (HSK) bagi Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, sepatutnya kerajaan negeri Selangor mempertahankan status kawasan yang sudah diwartakan bagi memastikan kelestarian alam dipertahankan.

“Kalau boleh, kawasan hutan simpan yang sudah diwartakan, janganlah kita dikeluarkan atau

tarik balik status itu walaupun kerajaan negeri mungkin ada keperluan dari segi ekonomi negeri.

“Kita di pihak kementerian memang berharap negeri yang ada cadangan seperti ini dapat pertimbangkan semula... kalau boleh, kita berharap kawasan sudah diwarta, tidak perlu dikeluarkan semula dari senarai warta... kalau sudah warta, kita kena pertahankan status itu,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Hari Inovasi 2020

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia di sini semalam.

Turut hadir sama, Ketua Pengarah JPS, Datuk Ir. Nor Hisham Mohd. Ghazali.

Tuan Ibrahim mengulas tindakan kerajaan Selangor melakukan sesi pendengaran awam bagi cadangan pemansuhan kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat membabitkan keluasan sekitar 1,971 hektar pada Selasa lalu, yang mendapat bantahan banyak pihak.



KERATAN AKHBAR 2 October 2020		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pemandu degil buat pusingan U haram
Muka Surat	:	19

Pemandu degil buat pusingan U haram

SAUDARA PENGARANG,

BUKAN kali pertama aduan ini dibuat, namun nampaknya pengguna jalan raya masih lagi tidak mengendahkan peraturan dengan membuat pusingan U secara haram untuk ke Taman Nirwana dan Ampang sehingga mengganggu kenderaan dari arah bertentangan.

Walaupun tindakan memasang batu penghalang dibuat, namun pengguna Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) masih berdegil dengan membuat pusingan U di kawasan berdekatan Kampung Pandan Dalam, Kuala Lumpur.

Keadaan itu bukan saja mengakibatkan laluan berkenaan sesak terutama pada waktu puncak, malah membahayakan keselamatan pengguna lain. Kemalangan kecil sering berlaku membabitkan motosikal.

Di laluan sama juga, pengguna memandu dalam keadaan laju menyebabkan sukar bagi penduduk untuk memasuki lorong ke kawasan perumahan.

Sewajarnya Majlis Perbandaraan Ampang Jaya (MPAJ) membina bonggol bagi membolehkan penduduk lebih mudah untuk keluar dan masuk.

Selain itu, kawasan tersebut kini banyak dihuni oleh warga Indonesia, maka undang-undang seperti mewajibkan pemakaian topi keledar untuk penunggang motosikal seperti dipandang sebelah mata. Bukan sahaja mereka melanggar peraturan tersebut, malah membenarkan anak-anak di bawah umur menunggang motosikal ke jalan utama.

ALIF SHAH

Kampung Pandan, Kuala Lumpur



PENGGUNA jalan raya kerap kali membuat pusingan U secara haram di Jalan Kanan 1 hampir setiap masa. - GAMBAR GOOGLE STREET VIEW



KERATAN AKHBAR
2 October 2020

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Usaha membanteras liberalisme
Muka Surat	:	21



AHLI kumpulan gay, lesbian dan transgender (LGBT) di Lubnan membuat demonstrasi bagi mempertahankan hak kumpulan itu yang sebahagiannya adalah antara gerakan yang didasari oleh gerakan liberalisme agama. - AFP

Usaha membanteras liberalisme

Oleh DR. MOHD. HASRUL SHUHARI
 gayautusan@mediamula.com.my

MENURUT Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah, liberalisme bermaksud suatu aliran pemikiran yang memberi kebebasan mutlak kepada individu dalam menafsirkan ajaran Islam tanpa terikat dengan dasar dan sumber ajaran Islam yang disepakati oleh ulama muktabar.

Malaysia memfatwakan aliran pemikiran liberal sebagai ajaran sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam. Ia diputuskan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 hingga 27 Julai 2006.

Sebulan sebelum itu, Muzakarah Majlis Fatwa Negeri Sabah bersidang pada 27-28 Jun 2006 dan mewartakan di Negeri Sabah bahawa fahaman liberalisme dan pluralisme adalah sesat dan menyasarkan serta boleh membawa seseorang itu terkeluar dari agama Islam.

Kemudian ia dituruti oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada 12 September 2006 yang bersetuju menerima pakai



Fahaman ini mengulangi kesilapan mazhab klasik dalam sejarah Islam iaitu muktazilah yang sangat mengutamakan akal berbanding wahyu."

keputusan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bahawa aliran pemikiran liberal adalah sesat dan menyeleweng daripada syariat Islam.

Keputusan yang sama diambil oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan pada 25 Mac 2013.

Pada 31 Julai 2014, Selangor mewartakan Fatwa Pemikiran Liberalisme Dan Pluralisme Agama bahawa fahaman liberalisme dan pluralisme agama adalah sesat dan menyeleweng daripada Islam.

Dalam fatwa tersebut, dinyatakan bahawa mana-mana bahan terbitan yang berunsur fahaman ini hendaklah diharamkan dan

boleh dirampas, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) hendaklah menyekat laman-laman sosial fahaman berkenaan dan mana-mana individu yang terlibat hendaklah bertaubat dan kembali ke jalan Islam.

Situasi semasa dilaporkan bahawa fahaman ini berkembang agresif dalam media sosial hasil risikan polis di Johor, Lembah Klang dan Pulau Pinang. Selain media sosial, fahaman liberal semakin agresif menyebarkan dakwah mereka dengan menyasarkan golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Penyeleweng akidah

Perkara menyeleweng berkaitan akidah yang perlu didedahkan kepada masyarakat antaranya adalah berpegang kepada konsep Pluralisme yang merupakan pegangan utama dalam aliran pemikiran liberal.

Menurut mereka, semua agama adalah sama tarafnya. Ini bercanggah dengan firman Allah SWT dalam al-Quran bermaksud: *Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam...* (ali-'Imran: 19)

Fahaman ini juga beranggapan akal manusia adalah wahyu. Aliran ini membahagi wahyu kepada dua kategori iaitu; wahyu yang bertulis iaitu al-Quran

dan ia adalah teks sematamata; dan wahyu tidak bertulis iaitu akal manusia yang mentafsir teks al-Quran berdasarkan tujuan, konteks dan zaman.

Fahaman ini mengulangi kesilapan mazhab klasik dalam sejarah Islam iaitu muktazilah yang sangat mengutamakan akal berbanding wahyu. Mazhab ini berjaya ditangani oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ) yang bijak menyusun secara sistematik penggunaan akal dan wahyu secara seimbang terutamanya ilmuwan aliran al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah.

Fahaman ini mendakwa al-Quran diresapi budaya Arab. Mereka mendakwa kesahihan risalah tersebut tidak ada lagi sebaliknya ia hanyalah mesej budaya Arab. Dakwaan ini dapat ditangani jika masyarakat faham realiti bagaimana wahyu turun dan bagaimana penulisan hadis pada zaman Nabi SAW.

Beberapa tindakan pencegahan fahaman ini telah dilaksanakan. Menurut Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Datuk Mohammed Khusrin Munawi, pada 2014 hingga 2019, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melaksanakan 582 aktiviti melibatkan sesi penjelasan, seminar, konvensyen, risikan dan

siasatan. Pemantauan media sosial dan penerbitan buku berkenaan fahaman ini juga dilaksanakan.

Di Johor, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Tosrin Jarvanthi berkata, keadaan masih terkawal namun pemantauan tetap berterusan. Johor juga mewujudkan Jabatan Briged ASWJ yang bertujuan memperkukuhkan fahaman tersebut bermula Januari 2021.

Di samping itu, pemerksaan bidang kuasa penghukuman Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016, atau lebih dikenali sebagai RUU 355 juga perlu diberi perhatian.

Setakat yang berjaya dibentangkan dalam parlimen yang perlu disokong majoriti ahli parlimen kelak ialah; (a) daripada penjara maksimum tiga tahun kepada penjara maksimum 30 tahun; (b) denda tidak melebihi RM5,000 kepada denda maksimum RM100,000 (c) dan sebatan maksimum enam kali kepada sebatan tidak melebihi 100 kali.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA).



KERATAN AKHBAR

2 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tanggung solat Surau Haji Nasron
Muka Surat	:	3

Tanggung solat Surau Haji Nasron

Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mengeluarkan notis penangguhan sementara aktiviti pengimarahannya dan pelaksanaan solat lima waktu berjemaah di Surau Haji Nasron, Jalan Cempaka, Meru, Klang.

Pengarah Jais, Mohd Shahzihan Ahmad berkata, ini susulan ahli jemaah surau itu mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif Covid-19.

"Jais dimaklumkan terdapat ahli jemaah surau itu mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif Covid-19 yang baru pulang dari mengundi di Pilihan Raya Negeri (PRN) di Semporna, Sabah.

"Sehubungan dengan itu, sebagai langkah pencegahan awal bagi mengekang penularan wabak, Jais mengarahkan pihak jawatankuasa Surau Haji Nasron mengambil tindakan serta-merta menangguhkan

sementara semua aktiviti pengimarahannya dan pelaksanaan solat fardu lima waktu berjemaah," katanya.

Mohd Shahzihan berkata, hanya tiga petugas jawatankuasa sahaja dibenarkan untuk memimpin solat fardhu di surau berkenaan.

"Jawatankuasa surau hendaklah memastikan individu itu menjalankan saringan ujian Covid-19 dan melaporkan keputusan saringan kepada Jais.

"Proses sanitasi (nyahkuman) hendaklah dilakukan serta merta di seluruh kawasan surau, jawatankuasa surau diarahkan sentiasa memantau rapat perkara ini dan mengingatkan jemaah dan ahli kariah untuk meningkatkan langkah-langkah pencegahan yang dianjurkan oleh Jais.

"Surau itu hanya boleh dibenarkan beroperasi semula selepas dibenarkan Jais," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Kurung atau kami rampas
Muka Surat	:	17

'Kurung atau kami rampas'

Kuala Selangor: Kurung haiwan peliharaan atau ternakan anda bakal dirampas kerana berkeliaran tanpa kawalan.

Ini susulan peningkatan kes haiwan ternakan menceroboh kawasan laluan awam dan perumahan di daerah ini.

Susulan itu, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) bertindak menjalankan operasi di tiga lokasi sekitar daerah ini bermula 24 September lalu.

Yang Dipertua MDKS Rahilah Rahmat berkata, dalam operasi bersama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Selangor dan Jabatan Veterinar Kuala Selangor berkenaan, sebanyak tiga ekor kambing berjaya di-

rampas di Bestari Jaya.

"Rampasan dibuat mengikut Seksyen 5 (1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 kerana membiarkan kambing berkeliaran tanpa kawalan dan denda tidak lebih RM 1,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih 12 bulan," katanya, semalam.

Beliau berkata, pihaknya turut mengeluarkan satu kompaun serta merta ke atas seorang pemilik haiwan ternakan di Taman Ilmu, Bestari Jaya mengikut seksyen sama iaitu Seksyen 5 (1).

"Operasi ini bertujuan mencegah haiwan peliharaan seperti lembu, kambing dan kerbau tidak berkeliaran di kawasan awam

yang boleh membahayakan pengguna jalan raya.

"Kami turut mengingatkan pemilik bahawa MDKS boleh menyita haiwan ternakan mengikut Seksyen 4 (4) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971.

"Malah, Seksyen 13 Enakmen yang sama memberi kuasa kepada MDKS untuk menjalankan pendakwaan di mahkamah ke atas mana-mana pemilik kerana melanggar mana-mana peruntukan dalam enakmen itu," katanya ketika dihubungi.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung perkara itu boleh menghubungi 03-32891439 atau melayari laman sesawang selangor.spab.gov.my.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 October 2020

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pergi selepas 2 rangkap azan
Muka Surat	:	26



JENAZAH Abang Man ditutup di dalam surau.

'Pergi' selepas 2 rangkap azan

Abang Man hembus nafas terakhir ketika mengajak penduduk untuk bangun solat Subuh

Oleh Norzamira Che Noh
 am@hmetro.com.ny

Shah Alam

Kematian 'dicemburui' apabila seorang ahli jawatan kuasa (AJK) Surau Ar-Rayyan di Seksyen 27 di sini, meninggal dunia mengejut ketika sedang melaungkan azan subuh.

Dalam kejadian sekitar jam 5.44 pagi semalam, Allahyarham Rosliman Osman yang berusia 60 tahun dikatakan menjalankan tugas itu bagi mengajak penduduk menunaikan solat berjemaah di surau berkenaan.

Menerusi perkongsian di Facebook Lembaga Zakat Selangor (LZS), arwah Rosliman dikatakan baru sahaja melaungkan dua rangkap daripada kalimah Azan se-



AMBULANS yang membawa jenazah Rosliman. Gambar kanan, jemaah melakukan solat jenazah.



belum tiba-tiba terhenti.

Ia sekali gus menimbulkan tanda tanya penghuni pangsapuri Sri Isora di sini. Difahamkan arwah yang mesra dipanggil Abang Man oleh penduduk di situ hanya sempat melaungkan kalimah Allahu Akbar serta syahadah.

"Seluruh penghuni pangsapuri pelik mengapa azan

Subuh dari Surau Ar-Rayyan pagi ini (semalam) cuma kedengaran dua rangkap dari kalimah yang mulia (Allahu Akbar dan Ashadu alla illaha illa Allah) dan kemudian terhenti.

"Kemudian terdengar suara cemas di pembesar suara dan tidak lama selepas itu seorang AJK surau lain membuat pengumuman

meminta ahli keluarga arwah untuk turun ke surau dengan kadar segera.

"Kelihatan ambulans tiba di kawasan surau berkenaan tidak lama kemudian.

"Setibanya di ruang solat surau, kelihatan sekujur tubuh kaku terbaring di ruang azan.

"Abang Man sudah kembali bertemu penciptanya

dalam keadaan semua orang beriman impian," ujarnya.

Menurut perkongsian itu lagi, salah seorang jemaah yang rapat dengan arwah menceritakan bahawa arwah bersungguh-sungguh mahu menjayakan majlis kesyukuran rakan mereka, Ustaz Sahari yang baru sahaja keluar dari hospital.

"Arwah yang juga AJK pemeriksa kira-kira surau kelihatan gembira dengan rancangan itu serta menawarkan diri untuk menyediakan Kopi O pada majlis berkenaan. Tidak sangka Allah SWT panggil arwah dalam keadaan sangat-sangat kami cemburu.

"Paling kami terkejut hari ini (semalam) adalah hari ketiga arwah memberanikan diri (melaungkan azan). Dia juga sangat teruja untuk azan Subuh walaupun beliau bukan bilal surau.

"Allah SWT sayang Abang Man lebih dari kami semua. Abang Man pernah berseoroh, kita jaga amanah surau ini bukan untuk kita sekarang, tapi gunanya bila kita kat (dekat) sana (akhirat) nanti. Moga Allah SWT pilih Abang Man menjadi penghuni (syurga) Al-Firdaus. Allah Maha Mengetahui," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 October 2020		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Aktiviti di pasar, surau dilarang
Muka Surat	:	5

Aktiviti di pasar, surau dilarang

KLANG – Majlis Perbandaran Klang (MPK) menutup sementara operasi beberapa bazar, pasar pagi dan pasar malam susulan tiga kes Covid-19 dicatatkan di daerah ini.

Yang dipertua MPK, Dr. Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, pemantauan situasi semasa perlu dilakukan dalam tempoh dua minggu sebelum sebarang keputusan dilakukan pihaknya.

“Justeru, penangguhan pembukaan operasi bazar dan pasar itu adalah bertepatan. Bila satu kes dikesan, kita perlu pantau dalam tempoh dua minggu.

“Kes (di Klang) membabitkan individu pulang dari Sabah dan kita akan minta nasihat daripada Jabatan Kesihatan Negeri serta mengambil pendirian untuk tidak panik,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, semua aktiviti pengimarahannya dan pelaksanaan solat fardu berjemaah di Surau Haji Nasron, Jalan Cempaka, Meru di sini, diarah dihentikan sementara berkuat kuasa serta-merta kelmarin.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohd. Shahzihan Ahmad dalam kenyataannya berkata, arahan itu dikeluarkan selepas pihaknya dimaklumkan berhubung seorang jemaah mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif Covid-19.

“Individu yang positif itu dikatakan baru pulang daripada mengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) di Semporna, Sabah.



KERATAN AKHBAR
2 October 2020

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pertahan status Hutan Simpan Kekal Kuala Langat
Muka Surat	:	16

Pertahan status Hutan Simpan Kekal Kuala Langat

FOTO: BERNAMA

KUANTAN - Kerajaan Selangor diminta terus mengekalkan Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Utara bagi memastikan kelestarian alam di negeri itu terus terpelihara, kata Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man.


Beliau berkata, status hutan simpan itu perlu dipertahan kerana ia bukan sekadar berperanan dalam pemuliharaan flora dan fauna tetapi yang lebih penting, bertindak sebagai kawasan tadahan air.

"Kawasan yang sudah diwartakan sebolehnya jangan dikeluarkan walaupun mungkin kerajaan negeri melihat ada keperluan ekonomi. Kita tidak boleh mengelak daripada pembangunan, namun implikasi masa depan harus menjadi keutamaan.

"... yang sudah diwartakan sebaiknya kita pertahankan malah kita sangat hormat jika ada negeri lain dapat mewartakan hutan simpan yang secara tidak langsung menambatkan kawasan tadahan air dan memelihara alam sekitar," katanya di sini semalam.

Tuan Ibrahim berkata demikian selepas merasmikan Sambutan Hari Inovasi Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 2020 di sini.

Beliau mengulas tindakan Kerajaan Selangor melakukan sesi pendengaran awam bagi cadangan pemansuhan kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Mukim Tanjung Dua Belas, Kuala Langat memba-



Tuan Ibrahim (tiga dari kanan) mendengar taklimat yang disampaikan oleh Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Langat ketika melihat bongkah penghadang hakisan di tepi pantai dikenali sebagai *coastbloc* semasa melawat gerai pameran pada perasmian Sambutan Hari Inovasi JPS 2020 di Kuantan semalam.

bitkan keluasan 1,971 hektar pada Selasa lepas, yang mendapat bantahan banyak pihak.

Dalam perkembangan lain, Tuan Ibrahim mengakui optimis bahawa kerja-kerja pemuliharaan sungai bagi mengurangkan risiko banjir di seluruh negara menggunakan peruntukan tambahan sebanyak RM66 juta dapat disiapkan sebelum musim tengkujuh pada hujung tahun ini

dengan jangkaan siap sebuah projek ialah selama sebulan.

Beliau berkata, kerja-kerja itu yang bermula di Kelantan pada Ahad lepas, mendapat sambutan positif kerana kontraktor melihatnya sebagai platform untuk kembali aktif selepas terjejas teruk akibat kekurangan peluang kerja susulan penularan pandemik koronavirus (Covid-19). - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 October 2020		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Biasiswa untuk pelajar UNISEL
Muka Surat	:	23

Biasiswa untuk pelajar UNISEL



Muhammad Nasir (dua dari kiri) dan Mohamad Redzuan (dua dari kanan) bertukar dokumen perjanjian sambil disaksikan oleh Firdaus (kiri) serta Rokmaa (kanan) pada Majlis Menandatangani MoA Biasiswa Karangkrak antara UNISEL dan Karangkrak di Dewan Karangkrak, Shah Alam semalam.

Karangkrak, UNISEL jalin kerjasama kali ketiga

Oleh ZUBIR SULAIMAN

SHAH ALAM

Kumpulan Karangkrak semalam memeterai memorandum perjanjian (MoA) Biasiswa Karangkrak dengan Universiti Selangor

(UNISEL) bagi membantu pelajar kurang berkemampuan menyambung pelajaran di pusat pengajian berkenaan.

Timbalan Pengerusi Kumpulan Karangkrak, Datuk Muhammad Nasir Hamzah berkata, Karangkrak menyediakan pembiayaan biasiswa berjumlah RM1 juta setahun kepada pelajar baharu yang ingin meneruskan pengajian di UNISEL.

"Ia merupakan kerjasama kali ketiga Karangkrak bersama UNISEL sejak tahun 2010 yang melibatkan pelajar kurang berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan percuma di UNISEL.

"Setiap permohonan disaring terlebih dahulu dan keutamaan diberikan kepada golongan B40," katanya kepada *Sinar Harian* selepas Majlis Menandatangani MoA Biasiswa Karangkrak antara UNISEL dan Karangkrak di Dewan Karangkrak di sini.



Memorandum perjanjian itu ditandatangani oleh Muhammad Nasir bagi pihak Kumpulan Karangkrak, manakala UNISEL diwakili Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohamad Redzuan Othman.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Sinar Karangkrak, Farah Hussamuddin; Ketua Pegawai Eksekutif Grup Buku Karangkrak, Firdaus Hussamuddin; Ketua Pegawai Eksekutif Ultimate Print, Akmal Eirfan Mohamed Fauzi; Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar dan Jaringan Komuniti) UNISEL, Profesor Madya Dr Hamdan Datuk Mohd Saller dan Pendaftar UNISEL, Rokmaa Mat.

Sementara itu, Mohamad Redzuan menyifatkan kerjasama yang terjalin sangat bermakna apabila pihak industri seperti Kumpulan Karangkrak memainkan peranan membantu dalam pendidikan untuk golongan yang tidak bernasib baik dengan menyediakan biasiswa.

"Peranan pihak swasta seperti Kumpulan Karangkrak dapat membantu lebih ramai pelajar daripada golongan kurang kemampuan untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat lebih tinggi," kata beliau.

UNISEL yang mula beroperasi pada tahun 1999 memiliki dua buah kampus iaitu kampus Bestari Jaya dan kampus elit di tengah-tengah bandar Shah Alam, Selangor. Ia menjadi pilihan lebih 30,000 pelajar di seluruh dunia.



Muhammad Nasir (kiri) dan Mohamad Redzuan (tengah) menandatangani MoA Biasiswa Karangkrak di Dewan Karangkrak, Shah Alam semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **2 October 2020**

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	FAS mahu guna nama Selangor FC
Muka Surat	:	39

FAS mahu guna nama Selangor FC

PERSATUAN Bola Sepak Selangor (FAS) mahu terus mengekalkan nama Selangor FC dalam mengharungi saingan Liga Malaysia (Liga-M) pada musim akan datang, lapor **SHHRIZAL AHMAD ZAINI**.

Setiausaha Agung FAS, Dr Johan Kamal Hamidon berkata, pengekalan nama Selangor FC itu dilihat selaras dengan proses penswastaan yang dilaksanakan terhadap semua pasukan dalam saingan Liga-M mulai musim depan.

“Kita akan terus gunakan nama Selangor FC sebagai nama rasmi dan mengekalkan The Red Giants sebagai nama gelaran pasukan Selangor. Tidak banyak yang kita lakukan buat masa ini termasuk bagi proses penjenamaan, cukup sekadar memenuhi syarat.

“Ini kerana jika diikutkan pihak kami bercadang untuk melakukan proses penjenamaan ini dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang,” katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, skuad Gergasi Merah akan menggunakan Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di Kelana Jaya sebagai gelanggang rasmi mereka bagi mengharungi saingan Liga-M musim 2021.

“Kelulusan menggunakan stadium berkenaan telah diperolehidaripada pihak MBPJ. Bagaimanapun, kami masih belum dapat mengesahkan gelanggang rasmi bagi skuad Selangor 2 buat masa ini.

“Lagipun, kita sendiri tidak tahu bilakah Selangor akan kembali beraksi di Stadium Shah Alam kerana difahamkan kerja-kerja pembaikan di stadium berkenaan bukan hanya melibatkan bumbung, tetapi turut melibatkan infrastruktur lain,” jelasnya.



KERATAN AKHBAR
2 October 2020

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	All street markets in Klang allowed to reopen
Muka Surat	:	2

By **BRENDA CH'NG**
 brenda@thestar.com.my

ALL morning and night markets in Klang will now be allowed to resume operations under one condition, that the rules must be followed closely.

Ever since the recovery movement control order (MCO) period was initiated nationwide, Klang Municipal Council had allowed in stages only certain markets to operate and even so, traders had to take turns to operate in order to ensure physical distancing was practised.

To date, only 45 morning and night markets in Klang have resumed operations with 23 more yet to be reopened.

"We have agreed to let all the markets open now but the traders must first come to an agreement to manage the market and follow all the rules," said Klang Municipal Council (MPK) president Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin after chairing the council's monthly full board meeting.

"If they are not ready for it, then they can always choose not to reopen."

He said the traders, market association or committees from the respective markets must firstly agree to handle the standard operating procedures (SOP), such as taking of temperature, implementing registration via the Selangkah or MySejahtera app and ensuring physical distancing was practised in addition to determining where the entry and exit points would be.

"The markets will have to be properly sealed off with yellow tape to ensure there is only one exit and entry point for customers.

"If the traders do not adhere to the rules, we will not hesitate to shut down the market," he warned.

He added that there had been quite a number of Covid-19 cases reported in Klang but he did not want the public to

All street markets in Klang allowed to reopen

Traders must take on duty of implementing SOP, says council

be alarmed as most of them were isolated cases of people who had travelled to high-risk areas in Sabah.

Asked if the other morning and night markets that were reopened earlier had been adhering to the rules, Fadzli said MPK enforcement officers had been monitoring the sites diligently.

Following the confirmed Covid-19 cases in Klang, MPK has moved in to disinfect two locations — Jalan Batu Unjur and the SMK Pendamaran Jaya.

With Deepavali coming up, the council president said MPK was still deciding if the festive bazaar should be allowed to operate this year.

"We will wait and see over the next two weeks.

"If the cases of Covid-19 reduce, then we will consider allowing the bazaar to take place.

"But if the number of infected does not go down, then we will call off the bazaar," he said.

Last year, the Deepavali bazaar with 142 stalls was held at two locations — Taman Sentosa and Jalan Tengku Kelana.

"If it is allowed to operate, the number of stalls will be significantly reduced by half or even more than that because we need to ensure people abide by the physical distancing rule," added Fadzli.



All morning and night markets in Klang, like this one in Jalan Papan that was forced to close at the start of the MCO, can now reopen. (Right) MPK officers conducting a survey on SOP compliance at an open-air market that was allowed to reopen during the recovery phase of the MCO. — Filepics



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 October 2020		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Apply for permits online, traders and business owners told
Muka Surat	:	2

Apply for permits online, traders and business owners told



Ampang Jaya Municipal Council is directing people to use the MPAJ Intelligent Community online portal for council matters.

By **SHALINI RAVINDRAN**
 shaliniravindran@thestar.com.my

TRADERS and other business operators in Ampang Jaya are now required to renew their business licences through the local council's online system as part of its "Ampang Jaya Smart City" initiative. Those applying to renew their licences and permits for next year will have to use the Ampang Jaya Municipal Council's (MPAJ) Intelligent Community Online System, said council president Mohd Fauzi Mohd Yatim.

"The renewal counters will no longer accept cash payments, so applicants will have to log into the system to renew their licences," he said.

Operators will have until Dec 31 to renew their licence, failing which they can be issued compounds of between RM200 and RM700.

MPAJ had previously announced that it was going paperless, which meant that bills such as assessment tax, would no longer be posted to property owners.

Instead, owners need to check and pay their assessment tax via the council's online portal.

Ampang Jaya residents can now pay compounds, apply to use community halls and renew business licences online at <https://icomm.mpaj.gov.my>

Separately, Mohd Fauzi said MPAJ had issued temporary business permits to 290 unlicensed traders to help people trying to earn a living,

as many had lost their income during the Covid-19 pandemic and the movement control order (MCO).

"A total of 600 permits are available for 29 locations identified.

"This is provided that applicants adhere to the usual health and safety requirements," he said after chairing the council's monthly full board meeting.

This is in line with a programme by the Selangor government where temporary business licences are issued by the local councils to Malaysians who wish to set up roadside stalls to sell home-cooked food.

This move is to ensure that they operate legally and adhere to regulations set by the respective local councils.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 October 2020		
